

**KE ARAH**

**BAHASA**

**MELAYU**

---

**Y A N G   B E R K E S A N**

---

BAHAGIAN PENGEMBANGAN BAHASA SEKTOR AWAM  
JABATAN PENGEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN BAHASA  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

# KANDUNGAN

<b>Prakata</b>	ii
<b>Bahagian Satu :</b> `Semua Tugas-Tugas' atau `Semua Tugas'?	1
<b>Bahagian Dua :</b> `Adalah' atau `lalah', Di manakah Silapnya?	8
<b>Bahagian Tiga :</b> `Di', `Dalam' dan `Di dalam', Bagaimanakah Cara Penggunaannya yang Betul?	12
<b>Bahagian Empat :</b> `Di antara' dengan `Antara', Apakah Perbezaannya?	15
<b>Bahagian Lima :</b> `Di', `Ke', `Dari' dan `Daripada', Bagaimanakah Cara Penggunaannya yang Betul?	22

## PRAKATA

Dari semasa ke semasa, Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam membuat kajian tentang penggunaan bahasa dalam pelbagai bahan bertulis seperti memo, surat, laporan, minit mesyuarat, borang, dokumen rasmi kerajaan, termasuk juga bahan-bahan bercetak seperti brosur, risalah, buletin, majalah dan surat khabar. Daripada penelitian tersebut kami mendapati pelbagai, kesalahan umum bahasa dilakukan oleh pengguna bahasa sama ada disedari atau tidak disedari oleh mereka. Antara kesalahan bahasa yang ketara ialah:

- i. kesalahan penggunaan kata bilangan dan kata ganda;
- ii. kesalahan penggunaan kata pemeriksa *ialah* dan *adalah*;
- iii. kekeliruan penggunaan kata sendi nama seperti *dari* dan *daripada*;
- iv. kesalahan penggunaan kata hubung seperti *apabila*;
- v. kesalahan pengimbuhan; dan banyak lagi

Oleh itu, Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam berasa wajar untuk menerbitkan buku pedoman KE ARAH BAHASA MELAYU YANG BERKESAN ini untuk memberikan penjelasan tentang kesalahan umum yang telah dilakukan itu. Dengan cara ini, kami berharap dapat membantu pengguna bahasa mengurangkan kesealahan bahasa Melayu mereka. Kami berharap maklumat yang terkandung dalam risalah kecil ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

Sekian. Cintailah Bahasa Kita.

**HAJAH ZAITON BT. AB. RAHMAN**

Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam,  
Jabatan Pengembangan dan Penyelidikan Bahasa.

## BAHAGIAN SATU : `SEMUA TUGAS-TUGAS' ATAU `SEMUA TUGAS'?

Perkataan seperti *lima*, *sepuluh*, *seratus*, *lima ribu*, *semua*, *segala*, *sejumlah*, *beberapa*, *sekalian*, *seluruh*, *sebilangan*, *sepertiga*, *berabad-abad*, *berkotak-kotak*, *masing-masing*, *setiap*, *setengah-setengah* dan sebagainya tergolong dalam **kata bilangan**.

Dalam penggunaan **kata bilangan** dalam ayat, kita selalu membuat kesilapan dengan menggandakan perkataan yang mengikutinya. Ini tidak perlu sama sekali!

Cuba perhatikan kesilapan yang sering kita lakukan dalam penggunaan **kata bilangan**, seperti contoh yang berikut:

SALAH	BETUL
1. Penekanan kaedah ini adalah kepada <b>empat unsur-unsur</b> yang berikut:...	1. Penekanan kaedah ini adalah kepada <b>empat unsur</b> yang berikut:...
2. ... <b>banyak organisasi-organisasi</b> ...	2. ... <b>banyak organisasi</b> ...
3. ... <b>banyak langkah-langkah</b> ...	3. ... <b>banyak langkah</b> ...
4. ... <b>semua tugas-tugas</b> ...	4. ... <b>semua tugas</b> ...
5. ... <b>semua anggota-anggota</b> ...	5. ... <b>semua anggota</b> ...
6. ... <b>semua ilmu-ilmu</b> dan <i>panduan-panduan</i> ...	6. ... <b>semua ilmu</b> dan <i>panduan</i> ...
7. ... <b>semua aspek-aspek</b> ...	7. ... <b>semua aspek</b> ...
8. ... <b>semua kerja-kerja pembinaan</b> ...	8. ... <b>semua kerja pembinaan</b> ...
9. ... peng gabungan <b>kesemua unsur-unsur</b> tersebut ...	9. ... peng gabungan <b>kesemua unsur</b> tersebut ...

SALAH	BETUL
10. ... <b>kesemua filem-filem</b> ...	10. ... <b>kesemua filem</b> ...
11. ... <b>segala aspek-aspek</b> ...	11. ... <b>segala aspek</b> ...
12. ... <b>segala maklumat-maklumat</b> ...	12. ... <b>segala maklumat</b> ...
13. ... <b>ramai pengguna-pengguna</b> jalan raya ...	13. ... <b>ramai pengguna</b> jalan raya ...
14. Penambahan <b>jumlah</b> anak-anak yang cerdik ...	14. Penambahan <b>jumlah</b> anak yang cerdik ...
15. ... <b>sejumlah besar</b> keluarga-keluarga ...	15. ... <b>sejumlah besar</b> keluarga ...
16. ... <b>sebilangan besar</b> ahli-ahli koperasi ...	16. ... <b>sebilangan besar</b> ahli koperasi ...
17. <b>Kebanyakkan</b> orang-orang yang bekerja...	17. <b>Kebanyakkan</b> orang yang bekerja ...

Kesilapan begini perlu dielakkan dalam usaha kita meningkatkan mutu bahasa Melayu.

Perkataan-perkataan yang berikut juga tergolong dalam kata bilangan. Oleh itu, perkataan yang mengikutinya tidak perlu digandakan. Perkataan-perkataan tersebut ialah:

berbagai-bagai/pelbagai  
para  
sebahagian  
segenap  
keseluruhan  
kedua-dua  
beribu-ribu  
berguni-guni  
tiap-tiap  
masing-masing

Catatan : Bagi perkataan `**masing-masing**', perkataan yang mendahuluinya tidak perlu digandakan. Contohnya:

Peserta pertandingan diminta mengambil *tempat masing-masing*.

Dalam kumpulan **kata bilangan** yang tersenarai di atas, kesilapan selalu berlaku pada penggunaan perkataan yang berikut:

SALAH	BETUL
1. ... dalam <b>berbagai</b> bidang ...	1. ... dalam <b>berbagai-bagai</b> bidang ...
2. ... merangkumi <b>berbagai</b> kegiatan ...	2. ... merangkumi <b>berbagai-bagai</b> kegiatan ...
3. ... di <b>kedua</b> buah negara ...	3. ... di <b>kedua-dua</b> buah negara ...
4. ... antara <b>kedua</b> tugas inilah ...	4. ... antara <b>kedua-dua</b> tugas inilah ...
5. ... <b>setengah</b> koperasi ...	5. ... <b>setengah-setengah/sestengah</b> koperasi ...
6. ... <b>para-para</b> petugas ...	6. ... <b>para</b> petugas ...
7. <b>Tiap</b> usaha ...	7. <b>Setiap/Tiap-tiap</b> usaha ...
<b>berbagai</b>	: ada bandingannya; ada sepertinya; ada persamaannya
<b>berbagai-bagai</b>	: bermacam-macam; berjenis-jenis
<b>kedua</b>	: (bilangan, peringkat dll.) yang nombor dua
<b>kedua-dua</b>	: kelompok yang terdiri daripada dua (orang dll.)
<b>setengah</b>	: seperdua; separuh
<b>Setengah-setengah/sestengah</b>	: beberapa; sebilangan daripadanya

<b>para-para</b>	:	Rak tempat menyimpan barang-barang dll.
<b>para</b>	:	kata yang mendahului kata-kata lain untuk menyatakan banyak.
<b>tiap</b>	:	kata akar yang hanya hadir apabila diimbuhkan dengan awalan se-, atau digandakan.
<b>setiap/tiap-tiap</b>	:	satu-satu daripada ...; masing-masing; berulang dari semasa ke semasa; saban.

Selain **kata bilangan** yang tersebut di atas, dalam bahasa Melayu terdapat sekelompok perkataan yang dipasangkan pada **kata bilangan**. Perkataan jenis ini termasuklah perkataan *angkatan*, *baris*, *batang*, *bentuk*, *berkas*, *jambangan*, *gugus*, *kawan*, *rangkai* dan sebagainya. Perkataan ini, walaupun dirangkaikan dengan awalan ‘**se-**’ yang bermakna ‘**satu**’, atau perkataan ‘**satu**’, masih mengandungi makna ‘kumpulan’, yakni lebih daripada satu dalam satu kumpulan. Contohnya :

seangkatan  
 sebaris  
 seberkas  
 segemal  
 seikat  
 sejambak  
 sejambangan  
 segugus  
 sekawan  
 sekelompok  
 seketumbukan  
 sekumpulan  
 sekandang  
 selonggok  
 serangkai  
 serangkap  
 serumpun  
 sesikat/sesisir  
 setandan  
 setimbun

Dalam penggunaan perkataan ini, kita selalu tersilap kerana menggandakan perkataan-perkataan yang mengikutnya. Contohnya:

SALAH	BETUL
1. ... <b>sekawan</b> burung-burung ...	1. ... <b>sekawan</b> burung ...
2. ... <b>sebaris</b> rumah-rumah ...	2. ... <b>sebaris</b> rumah ...
3. ... <b>sekumpulan</b> pelajar-pelajar sekolah menengah ...	3. ... <b>sekumpulan</b> pelajar sekolah menengah ...
4. ... <b>sekandang</b> lembu-lembu ...	4. ... <b>sekandang</b> lembu ...
5. ... <b>serangkai</b> manik-manikl ...	5. ... <b>serangkai</b> manik ...
6. ... <b>setimbun</b> buku-buku cerita ...	6. ... <b>setimbun</b> buku cerita ...

Sama-samalah kita membetulkan kesilapan bahasa seperti yang di atas! Sekarang, perhatikan pula kesilapan bahasa dalam contoh yang berikut:

SALAH	BETUL
1. ... <b>kalangan</b> tokoh-tokoh profesional ...	1. ... <b>kalangan</b> tokoh profesional ...
2. ... di <b>kalangan</b> orang-orang dewasa ...	2. ... di <b>kalangan</b> orang dewasa ...
3. <b>Rombongan</b> wanita-wanita UMNO ...	3. ... <b>Rombongan</b> wanita UMNO ...
4. <b>Kumpulan</b> pengakap-pengakap SRK Sentul ...	4. ... <b>Kumpulan</b> pengakap SRK Sentul...
5. <b>Barisan</b> pemain-pemain Malaysia ...	5. <b>Barisan</b> pemain Malaysia ...
6. <b>Deretan</b> rumah-rumah kedai ...	6. <b>Deretan</b> rumah kedai ...

- |  |  |
|--|--|
| 7. <b>Jemaah</b> menteri-menteri ...                                   | 7. <b>Jemaah</b> menteri ...                                     |
| 8. <b>Sekawan</b> penyamun-penyamun ...                                | 8. <b>Sekawan</b> penyamun ...                                   |
| 9. <b>Gerombolan</b> pengganas-pengganas ...                           | 9. <b>Gerombolan</b> pengganas ...                               |
| 10. <b>Rentetan</b> peristiwa-peristiwa yang bersejarah ...            | 10. <b>Rentetan</b> peristiwa yang bersejarah ...                |
| 11. <b>Rangkaian</b> lagu-lagu Melayu asli ...                         | 11. <b>Rangkaian</b> lagu Melayu asli ...                        |
| 12. <b>Gugusan</b> pulau-pulau Melayu...                               | 12. <b>Gugusan</b> pulau Melayu ...                              |
| 13. <b>Mesyuarat</b> Ketua-Ketua Bahagian Dewan Bahasa dan Pustaka ... | 13. <b>Mesyuarat</b> Ketua Bahagian Dewan Bahasa dan Pustaka ... |
| 14. <b>Pertemuan</b> Penulis-Penulis Remaja Malaysia ...               | 14. <b>Pertemuan</b> Penulis Remaja Malaysia                     |
| 15. <b>Persatuan</b> Bank-Bank Malaysia ...                            | 15. <b>Persatuan</b> Bank Malaysia ...                           |
| 16. <b>Persatuan</b> Bekas-Bekas Perajurit ...                         | 16. <b>Persatuan</b> Bekas Perajurit ...                         |
| 17. <b>Persekutuan</b> Syarikat-Syarikat Kewangan ...                  | 17. <b>Persekutuan</b> Syarikat Kewangan ...                     |
| 18. <b>Gabungan</b> Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung ...             | 18. <b>Gabungan</b> Pelajar Melayu Semenanjung ...               |
| 19. <b>Senarai</b> nama-nama peserta ...                               | 19. <b>Senarai</b> nama peserta ...                              |
| 20. <b>Daftar</b> pengundi-pengundi daerah Petaling ...                | 20. <b>Daftar</b> pengundi daerah Petaling ...                   |

Perkataan seperti *kalangan*, *kumpulan*, *rombongan*, *gerombolan*, *barisan*, *deretan*, *banjaran*, *jemaah*, *sekawan*, *rentetan*, *rangkaian*, *gugusan*, *mesyuarat*, *pertemuan*, *persatuan*, *persekutuan*, *perhimpunan*, *gabungan*, *senarai*, *daftar*, dan banyak lagi perkataan seperti ini merupakan perkataan yang sudah terkandung makna 'banyak', yakni melibatkan lebih daripada satu orang, benda, perkara dan sebagainya.

Selain perkataan yang tersenarai di atas, perkataan **ada** dalam maksud 'telah tersedia' atau 'telah terkumpul' juga tidak perlu diikuti oleh kata nama yang digandakan. Contohnya:

<b>SALAH</b>	<b>BETUL</b>
1. <b>Ada</b> pekerja-pekerja yang didapati melanggar peraturan pejabat.	1. <b>Ada</b> pekerja yang didapati melanggar peraturan pejabat.

Bagi perkataan-perkataan seperti *banyak*, *jumlah*, *kumpul*, *kurang* dan sebagainya yang menerima awalan (seperti *meN-*), atau apitan (seperti *ke ...an*), misalnya *membanyakkan*, *menjumlahkan*, *mengumpulkan*, *kekurangan* dan sebagainya, perkataan yang mengikutinya juga tidak perlu digandakan. Contohnya :

<b>SALAH</b>	<b>BETUL</b>
1. ... <b>membanyakkan</b> kemudahan-kemudahan ...	1. ... <b>membanyakkan</b> kemudahan ...
2. ... <b>membanyakkan</b> perkara-perkara yang boleh meningkatkan penggunaan otak.	2. ... <b>membanyakkan</b> perkara yang boleh meningkatkan penggunaan otak.
3. ... <b>menjumlahkan</b> angka-angka ...	3. ... <b>menjumlahkan</b> angka...
4. ... <b>mengumpulkan</b> benda-benda yang bertaburan ...	4. ... <b>mengumpulkan</b> benda yang bertaburan ...
4. ... <b>kekurangan</b> buku-buku ilmiah dalam bahasa Melayu ...	4. ... <b>kekurangan</b> buku ilmiah dalam bahasa Melayu ...

Perkataan seperti *bergantungan*, *berkibaran*, *bertaburan*, *berterbangan*, *berguguran*, *berkejaran* dan sebagainya, hakni yang diimbuhkan dengan apitan ber ... an membawa maksud ‘perbuatan yang menunjukkan jumlah yang banyak’. Oleh itu, perkataan sebelumnya yang berupa benda, orang dan sebagainya tidak perlu digandakan.

SALAH	BETUL
1. <i>Lampu-lampu</i> merah <b>bergantungan</b> di dinding.	1. <i>Lampu</i> merah <b>bergantungan</b> di dinding.
2. <i>Bintang-bintang</i> <b>berkerdipan</b> di langit.	2. <i>Bintang</i> <b>berkerdipan</b> di langit.
3. <i>Bendera-bendera</i> yang berwarna-warni <b>berkibaran</b> di sepanjang jalan.	3. <i>Bendera</i> yang berwarna-warni <b>berkibaran</b> di sepanjang jalan.
4. <i>Burung-burung</i> <b>berterbangan</b> di angkasa.	4. <i>Burung</i> <b>berterbangan</b> di angkasa.
5. <i>Daun-daun</i> kering <b>berguguran</b> .	5. <i>Daun</i> kering <b>berguguran</b> .

Selain itu, ada lagi kesilapan yang sering kita lakukan. Sila teliti contoh yang berikut :

SALAH	BETUL
1. <b>Mereka-mereka</b> yang mengambil bahagian...	1. <b>Mereka</b> yang mengambil bahagian...
2. <b>Rakyat-rakyat</b> negara ini...	2. <b>Rakyat</b> negara ini...
3. <b>Ibu bapa-ibu bapa (Ibu-ibu bapa)</b> diseru...	3. <b>Ibu bapa</b> diseru ...

Kita tidak perlu menggandakan perkataan *mereka*, *rakyat* dan *ibu bapa* dalam contoh di atas, kerana perkataan-perkataan ini sudah mendukung makna ‘banyak’.

Kata juga sering melakukan kesalahan bahasa dengan mengulang semula kata yang terdiri daripada gabungan dua atau lebih perkataan, seperti yang dapat kita sama-sama amati dalam contoh yang berikut :

SALAH	BETUL
1. kertas kerja-kerja kerja	1. <b>kertas-kertas</b> kerja
2. pihak berkuasa-pihak berkuasa berkuasa tempatan.	2. <b>pihak-pihak</b> berkuasa tempatan.
3. Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha.	3. <b>Ketua-Ketua</b> Setiausaha.
4. Ketua Menteri-Ketua Menteri	4. <b>Ketua-Ketua</b> Menteri
5. Duta Besar-Duta Besar	5. <b>Duta-Duta</b> Besar

Bagi gabungan perkataan yang menerangkan nama benda, perkara, jawatan dan sebagainya, hanya perkataan pertama sahaja yang digandakan.

**BAHAGIAN DUA :**  
**‘ADALAH’ ATAU ‘IALAH’ DIMANAKAH**  
**SILAPNYA?**

A. Marilah sama-sama kita perhatikan kesilapan penggunaan perkataan ‘**adalah**’ di tempat ‘**ialah**’ dalam contoh yang berikut :

SALAH	BETUL
1. Sepak takraw <b>adalah</b> sukanyang elok dipertandingkan ...	1. Sepak takraw <b>ialah</b> sukan yang elok dipertandingkan ...
2. Beliau <b>adalah</b> orang yang pertama membiakkan ...	2. Beliau <b>ialah</b> orang yang pertama membiakkan ...
3. Kaum wanita <b>adalah</b> elemen ...	3. Kaum wanita <b>ialah</b> elemen ...
4. Malaysia mesti mempunyai rakyat yang sejumlah besar daripadanya <b>adalah</b> orang-orang yang berpendidikan tinggi ...	4. Malaysia mesti mempunyai rakyat yang sejumlah besar daripadanya <b>ialah</b> orang yang berpendidikan tinggi ...
5. Anak <b>adalah</b> anugerah Allah...	5. Anak <b>ialah</b> anugerah Allah...
6. Matlamat NURY <b>adalah</b> pembinaan masyarakat cemerlang.	6. Matlamat NURY <b>ialah</b> pembinaan masyarakat cemerlang.
7. Memandangkan T.Y.T. Tun <b>adalah</b> bekas Pengurus Lembaga Pengelola DBP ...	7. Memandangkan T.Y.T. Tun <b>ialah</b> bekas Pengurus Lembaga Pengelola DBP ...

- |   |   |
|---|---|
| <p>8. Masalah yang kita hadapi <b>adalah</b> kekurangan pendapat yang bernes.</p> <p>9. Perkara ini <b>adalah</b> masalah yang tidak mudah diatasi.</p> | <p>8. Masalah yang kita hadapi <b>ialah</b> kekurangan pendapat yang bernes.</p> <p>9. Perkara ini <b>ialah</b> masalah yang tidak mudah diatasi.</p> |
|---|---|

Dalam contoh-contoh yang diberikan di atas, penggunaan ‘**adalah**’ adalah salah kerana ‘**adalah**’ hanya boleh diikuti oleh kata sendi nama seperti *untuk, pada, dalam, daripada, dengan* dan sebagainya. Manakala ‘**ialah**’ pula hanya digunakan di hadapan perkataan atau rangkai kata yang berupa kata nama atau frasa nama, yakni perkataan atau rangkai kata yang menyatakan nama sesuatu benda, keadaan, pekerjaan, konsep dan sebagainya, seperti *sukan, orang yang pertama, elemen, orang yang berpendidikan tinggi, anugerah Allah, pembinaan masyarakat cemerlang, bekas Penggerusi Lembaga Pengelola, kekurangan pendapat yang bernes, satu masalah yang tidak mudah diatasi* dalam contoh di atas.

- B. Perhatikan pula kesilapan penggunaan perkataan ‘**ialah**’ di tempat ‘**adalah**’ dalam contoh yang berikut :

SALAH	BETUL
1. Kursus ini <b>ialah</b> untuk menerangkan...	1. Kursus ini <b>adalah</b> untuk menerangkan ...
2. Tarikh kerja pembaikan lif `dijangka siap <b>ialah</b> pada 15 Januari 1995.	2. Tarikh kerja pembaikan lif dijangka siap <b>adalah</b> pada 15 Januari 1995.

Contoh di atas menunjukkan bahasa perkataan ‘**adalah**’ digunakan di hadapan kata sendi nama, seperti *untuk* dan *pada*, bukan ‘**ialah**’.

C. `Adalah' juga digunakan di hadapan kata adjektif, iaitu kata atau rangkai kata yang menunjukkan sifat sesuatu. Contohnya:

1. Kenyataan itu **adalah** benar.
2. Kenyataan itu **adalah** tidak benar.
3. Dunia ini **adalah** fana.
4. Dunia ini **adalah** tidak fana.
5. Ucapannya itu **adalah** terlalu panjang.
6. Keputusan itu **adalah** tidak adil.
7. Keputusan panel hakim **adalah** muktamad.

Catatan : Dalam ayat-ayat contoh di atas, perkatan `**adalah**' tidak wajib, yakni perkataan ini boleh digugurkan. Perkataan `**adalah**' hanya digunakan sebagai penegas sahaja.

D. Perkataan `**adalah**' tidak boleh diikuti oleh kata kerja, seperti *merupakan*, *melambangkan*, *berasaskan* dan sebagainya. Ungkapan `**adalah merupakan**' amat digemari oleh pengguna bahasa Melayu. Ungkapan ini biasanya diikuti oleh kata nama atau frasa nama. Oleh itu, perkataan `**adalah**' dalam ungkapan seperti ini sememangnya tidak sesuai digunakan. Hanya perkataan `**merupakan**' atau `**ialah**' boleh digunakan. Contohnya :

E.

SALAH	BETUL
1. Institut Irshad <b>adalah merupakan</b> <i>sebuah institut persendirian</i> ...	1. Institut Irshad <b>merupakan/ialah</b> <i>sebuah institut persendirian</i> ...

Oleh sebab perkataan `**adalah**' tidak boleh diikuti oleh kata kerja (iaitu perkataan yang menunjukkan sesuatu perbuatan atau keadaan melakukan sesuatu), maka penggunaan ungkapan-ungkapan yang berikut adalah SALAH. Contohnya :

- ... **adalah** berasaskan ...
- ... **adalah** berdasarkan ...
- ... **adalah** dibuat ...
- ... **adalah** menjadi ...


... **adalah** diperakui ...  
... **adalah** dinasihati ...  
... **adalah** digalakkan...  
... **adalah** tertakluk ...

dan banyak lagi contoh penggunaan ungkapan yang salah seperti yang disenaraikan di atas.

- E. Kata pemeriksaan `adalah' hanya boleh digunakan bersama-sama kata kerja jika dihubungkan oleh kata sendi seperti *untuk*, *dengan* dan sebagainya.

SALAH	BETUL
1. Matlamat utama Unit ini <b>adalah membantu</b> pihak pengurusan melaksanakan tanggungjawabnya secara berkesan.	1. Matlamat utama Unit ini <b>adalah untuk membantu</b> pihak pengurusan melaksanakan tanggungjawabnya secara berkesan.
2. Satu usaha yang dijalankan <b>adalah menerbitkan</b> risalah penerangan untuk tatapan masyarakat.	2. Satu usaha yang dijalankan <b>adalah dengan menerbitkan</b> risalah penerangan untuk tatapan masyarakat.

- F. Bolehkah perkataan `**adalah**' digunakan pada awal ayat? Jawapannya tidak boleh. Perkataan `**adalah**' ialah kata pemerl, yakni unsur yang menjadi pemerihal atau penghubung antara subjek dengan kata satu rangkai kata utama dalam predikat. Contohnya :



Contoh kesilapan penggunaan perkataan ‘**adalah**’ yang biasanya diikuti oleh kata kerja pada awal ayat adalah seperti yang berikut:

SALAH	BETUL
1. <b>Adalah</b> dimaklumkan bahawa ...	1. <b>Dengan ini</b> dimaklumkan bahawa ...
2. <b>Adalah</b> diumumkan bahawa ...	2. <b>Dengan ini</b> diumumkan bahawa ...
3. <b>Adalah</b> diharapkan dengan pemilihan ini ...	3. <b>Dengan</b> pemilihan ini diharapkan ...
4. <b>Adalah dengan ini</b> dimaklumkan bahawa ...	4. <b>Dengan ini</b> dimaklumkan bahawa ...

### **BAHAGIAN TIGA : `DI', `DALAM' DAN `DI DALAM', BAGAIMANAKAH CARA PENGGUNAANNYA YANG BETUL?**

Dalam penggunaan bahasa Melayu hari ini, kita kadang-kadang tersilap meletakkan kata sendi **`di'** di tempat **`dalam'**, dan frasa sendi **`di dalam'** di tempat kata sendi **`dalam'**. Kesilapan ini berlaku kerana kekeliruan tentang fungsi kata sendi dan frasa sendi tersebut.

- A. Di bawah ini diperturunkan contoh-contoh kesilapan penggunaan kata sendi **`di'** di tempat **`dalam'**.

SALAH	BETUL
1. Beliau memiliki ijazah sarjana <b>di</b> <i>bidang</i> pengurusan perniagaan.	1. Beliau memiliki ijazah sarjana <b>dalam</b> <i>bidang</i> pengurusan perniagaan.
2. <b>Di</b> <i>masyarakat</i> itu, ahlinya merupakan insan yang sihat.	2. <b>Dalam</b> <i>masyarakat</i> itu, ahlinya merupakan insan yang sihat.
3. Kanak-kanak bergembira <b>di</b> suasana hari raya yang mulia ini.	3. Kanak-kanak bergembira <b>dalam</b> suasana hari raya yang mulia ini.

Kata sendi **`di'** digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Contohnya:

- i. Majlis itu diadakan **di** Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ii. Mereka menunggu ketibaan tetamu kehormat itu **di** lapangan terbang.
- iii. Pelajar itu menelaah pelajarannya **di** perpustakaan.
- iv. Penderma darah mendapat rawatan percuma **di** hospital kerajaan.
- v. Mesyuarat itu diadakan **di** Kementerian Pendidikan.
- vi. **Di** Paris, mereka akan mengunjungi pejabat UNESCO.

Kata sendi **dalam** pula digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian ‘lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak’ (seperti perkara, peristiwa hal, urusan, bahasa, bidang, masyarakat dan sebagainya). Mari kita amati bersama-sama contoh penggunaan kata sendi ‘**dalam**’ dalam ayat-ayat yang berikut:

- i. **Dalam** hal ini, kita semua setuju.
- ii. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus fasih bertutur dalam bahasa kebangsaan kita, iaitu bahasa Melayu;
- iii. Masalah itu telah dibangkitkan dalam mesyuarat yang lalu.
- iv. Dia tidak terlibat dalam urusan perniagaan bapanya.
- v. Hal-hal berhubung dengan kerjasama serantau telah dibincangkan dalam pertemuan antara pemimpin kedua-dua buah negara itu.
- vi. Beliau merupakan contoh belia yang aktif dalam pelbagai kegiatan kebajikan.
- vii. Persoalan itu bermain-main dengan fikirannya.
- viii. Rakyat hidup aman damai dalam negara yang stabil seperti Malaysia.
- ix. Mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja dalam perjuangan mereka untuk mencapai kemerdekaan.
- x. Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat negara ini, kerajaan telah melancarkan berbagai-bagai projek pembangunan.
- xi. Keperluan jawatan baru telah beberapa kali dikemukakan dalam anggaran belanjawan tahunan.
- xii. Beliau diraikan dalam majlis yang serba sederhana.
- xiii. Keretanya rosak semasa dalam perjalanan ke Kuala Terengganu.
- xiv. Dalam keheningan malam, dia duduk berdoa dengan penuh khusyuk dan tawaduk.

B. Seperti yang dijelaskan di atas, kata sendi 'dalam' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian 'tempat yang tidak mempunyai ruang atau jarak' (seperti perkara, peristiwa, hal, urusan, bahasa, bidang, masyarakat dan sebagainya). Kesilapan selalu berlaku apabila di tempat yang sepatutnya digunakan kata sendi 'dalam', frasa sendi 'di dalam' (iaitu rangkaian kata sendi 'di' dan kata nama arah 'dalam') digunakan. Contohnya :

SALAH	BETUL
1. ... terdapat bahagian yang terlibat di dalam <i>penggunaan istilah</i> ...	1. ... terdapat bahagian yang terlibat dalam <i>penggunaan istilah</i> ...
2. Beliau sering dijemput menyampaikan ceramah di dalam <i>beberapa seminar</i> ...	2. Beliau sering dijemput menyampaikan ceramah dalam <i>beberapa seminar</i> ...
3. ... sudah terdidik di dalam <i>bahasa</i> ...	3. ... sudah terdidik dalam <i>bahasa Melayu</i> ...
4. ... mereka semua terperangkap di dalam <i>kegawatan ekonomi</i> ...	4. ... mereka semua terperangkap dalam <i>kegawatan ekonomi</i> , ...
5. ... Malaysia tidak mungkin hidup sendirian di dalam <i>situasi</i> ini...	5. ... Malaysia tidak mungkin hidup sendirian dalam <i>situasi</i> ini ...
6. ... di dalam <i>pelbagai bidang kehidupan</i> ...	6. ... dalam <i>pelbagai bidang kehidupan</i> ...

Penggunaan frasa sendi 'di dalam' yang betul adalah seperti ayat-ayat contoh yang berikut :

- i. Semua peserta berkumpul di dalam dewan.
- ii. Pengembara itu sesat di dalam hutan.
- iii. Semua surat dan laporan berhubung dengan perkara itu disimpan di dalam fail khas.

- iv. Tanda harga ada di dalam dan di luar kotak.
- v. Penumpang tidak dibenarkan merokok di dalam kabin kapal terbang.
- vi. Sila catatkan nama dan alamat anda di dalam petak kosong yang disediakan.
- vii. Tulislah jawapan anda di dalam ruangan yang disediakan.

## BAHAGIAN EMPAT: `DI ANTARA' DENGAN 'ANTARA', APAKAH PERBEZAANNYA?

- A. Perkataan 'antara' dapat berfungsi sebagai kata sendi nama dan kata arah. Kata sendi nama ialah perkataan yang digunakan di hadapan frasa nama, menghasilkan frasa sendi nama. Contohnya :

... **di** sekolah itu  
... **ke** arah selatan  
... **ke** dewan pameran\  
... **ke** saat yang terakhir  
... **kepada** pihak polis  
... **dari** kiri  
... **dari** sudut ekonomi  
... **dari** pukul tujuh pagi  
... **daripada** buluh  
... **daripada** persatuan  
... **pada** pukul tujuh pagi  
... **pada** papan kenyataan  
... **untuk** kegunaan  
... **bagi** tahun hadapan  
... **demi** kepentingan bersama  
... **tentang** masalah negara  
... **tentang** kesejahteraan rakyat  
... **seperti** batu  
... **bagai** pinang dibelah dua  
... **upama** kilat  
... **dengan** majikan mereka  
... **sejak** kematian ibunya  
... **semenjak** subuh lagi  
... **terhadap** anak buahnya  
... **akan** anaknya  
... **akan** kelakuan anaknya yang buruk  
... **oleh** polis  
... **oleh** senjatanya sendiri  
... **hingga** dinihari  
... **dalam** bahasa kebangsaan  
... **antara** adik-beradik

... **antara** sektor awam dengan sektor swasta  
... **antara** mereka  
... **antara** persoalan penting  
... **antara** wilayah  
... **antara** sekolah  
... **antara** kedua-dua negara

Kata arah pula ialah kata yang menunjukkan arah atau kedudukan seperti `atas, bawah, tengah, depan, belakang, luar, dalam, antara dan sebagainya'. Kata arah biasanya digunakan dalam frasa sendi, yakni mengikuti kata sendi nama. Hanya dua kata sendi nama, iaitu `di' dan `ke' dapat membentuk frasa sendi dengan kata arah. Contohnya :

... **di atas** meja  
... **di bawah** rumah  
... **di tengah** padang  
... **di depan** bangunan  
... **di belakang** pintu  
... **di luar** pejabat  
... **di dalam** ruangan  
... **di antara** Johor Bahru dengan Singapura...  
... **ke atas** bukit  
... **ke bawah** meja  
... **ke tengah** jalan  
... **ke depan** bangunan  
... **ke belakang** dewan  
... **ke luar** kamar  
... **ke dalam** bahasa Inggeris

Kata arah `**antara**' hanya dapat bergandingan dengan kata sendi nama `di' dalam pembentukan frasanya.

- B. Sering terdapat kekeliruan dalam penggunaan antara kata sendinama `antara' dengan frasa sendi `di antara', yang merupakan gabungan antara kata sendi nama `di' dengan kata arah `antara'. Mari kita sama-sama mengamati kesilapan penggunaan frasa sendi `di antara' di tempat kata sendi nama `antara' dalam ayat-ayat contoh yang berikut:

SALAH	BETUL
1. Inilah di antara hal yang mesti difahami dalam bidang pembentukan kata.	1. Inilah antara hal yang mesti difahami dalam bidang pembentukan kata.
2. Kita melihat pertentangan di antara sektor awam dengan sektor swasta timbul secara mendadak.	2. Kita melihat pertentangan antara sektor awam dengan sektor swasta timbul secara mendadak.
3. Kini ramai di antara mereka ini telah mempelajari bahasa Melayu.	3. Kini ramai antara mereka ini telah mempelajari bahasa Melayu.
4. Inilah di antara persoalan penting yang harus diketahui oleh para pengurus dan pemimpin masa kini.	4. Inilah antara persoalan penting yang harus diketahui oleh para pengurus dan pemimpin masa kini.
5. Masakan anda lupa akan tulisan anda sendiri yang mencatatkan bahawa awalan ‘me-’ adalah di antara pembentuk kata kerja yang penting.	5. Masakan anda lupa akan tulisan anda sendiri yang mencatatkan bahawa awalan ‘me-’ adalah antara pembentuk kata kerja yang penting.
6. Kebolehan anda mendapatkan orang bercakap kepada anda membezakan di antara pemberitaan yang baik dengan pemberitaan yang kurang baik.	6. Kebolehan anda mendapatkan orang bercakap kepada anda membezakan antara pemberitaan yang baik dengan pemberitaan yang kurang baik.
7. Di Australia, bahasa Melayu adalah di antara mata pelajaran yang paling digemari penuntut.	7. Di Australia, bahasa Melayu adalah antara mata pelajaran yang paling digemari penuntut.

C. Jadi, dalam ayat yang bagaimakah kita dapat menggunakan frasa sendi `di antara'? Jawapannya mudah sahaja! Oleh sebab kata `antara' dalam frasa ini berfungsi sebagai kata arah, maka frasa sendi `di antara' hanya dapat digunakan untuk menunjukkan kedudukan fizikal atau arah. Contohnya :

- i. Tambak Johor terletak di antara Johor Bahru dengan Singapura.
- ii. Lif itu terhenti di tengah-tengah di antara tingkat tiga dengan tingkat empat
- iii. Hasnah duduk mencelah di antara Fatimah dengan Rahmah.
- iv. Anak kecil itu duduk diam di antara kedua-dua ibu bapanya.
- v. Rumahnya terletak di antara dua bangunan itu.

Ini juga bermakna bahawa kata sendi nama `antara' tanpa kata sendi nama `di' tidak boleh digunakan untuk menunjukkan kedudukan fizikal atau arah. Hanya frasa sendi `di antara' boleh digunakan dalam ayat-ayat seperti ini.

D. Peraturan penggunaan frasa sendi `di antara' di atas tidak pula bermakna bahawa kata sendi nama `antara' tidak boleh mendahului frasa-frasa seperti dalam ayat I, ii, iii, iv dan v di atas. Frasa-frasa `Johor Bahru dengan Singapura', `kedua-dua ibu bapanya', dan `dua bangunan itu' boleh mengikuti kata sendi nama `antara' dalam ayat-ayat yang menunjukkan perbandingan. Contohnya :

- i. **Antara** Johor Bahru dengan Singapura, banyak perbezaannya.
- ii. **Antara** tingkat tiga dengan tingkat empat, tingkat empat lebih baik hiasannya.
- iii. Banyak perbezaannya **antara** Fatimah dengan Rahmah.

- iv. Antara kedua-dua ibu bapanya sudah tidak ada persefahaman lagi.
  - v. Yang manakah yang lebih menarik antara dua bangunan itu.
- E. Kata sendi nama ‘antara’ biasanya diikuti oleh kata nama am yang tidak perlu diulang. Kesilapan yang selalu berlaku ialah kata nama am yang mengikutnya diulang. Contohnya :

SALAH	BETUL
1. Hubungan politik, ekonomi dan kebudayaan wujud di antara wilayah-wilayah ini hingga diputuskan...	1. Hubungan politik, ekonomi dan kebudayaan wujud antara wilayah ini hingga diputuskan ...
2. ... imbangan yang wajar <b>antara orang-orang</b> yang mempunyai kemahiran dalam bidang sains dan teknologi, sastera dan ilmu-ilmu sosial.	2. ... imbangan yang wajar <b>antara orang</b> yang mempunyai kemahiran dalam bidang sains dan teknologi, sastera dan ilmu-ilmu sosial.
3. <b>Antara lagu-lagu</b> persembahannya ialah ‘Sayang-Sayang’, ‘Getaran Jiwa’, ‘Kata’, ‘Engkau Laksana Bulan’ ...	3. Antara lagu persembahannya ialah ‘Sayang-Sayang’, ‘Getaran Jiwa’, ‘Kata’, ‘Engkau Laksana Bulan’
4. <b>Di antara jurnal-jurnal</b> yang diterbitkan oleh UKM pada sesi 1988/ yang lalu ialah ...	4. <b>Antara jurnal</b> yang diterbitkan oleh UKM pada sesi 188/89 yang lalu ialah ...
5. <b>Di antara nama-nama</b> yang disebut ialah ...	5. <b>Antara nama</b> yang disebut ialah ...
6. ... adalah <b>di antara sumber-sumber</b> tidak rasmi yang boleh dijadikan berita.	6. ... adalah <b>antara sumber</b> tidak rasmi yang boleh dijadikan berita.
7. <b>Di antara peraturan-peraturan</b> yang perlu dipatuhi ialah ...	7. <b>Antara peraturan</b> yang baru dipatuhi ialah ...

8. Pertandingan Bahas **di antara**  
**Sekolah-Sekolah** Menengah  
Berasrama Penuh ...
8. Pertandingan Bahas **antara**  
**Sekolah** Menengah Berasrama  
Penuh...

Kata ganda yang dapat mengikuti kata sendi nama `antara' ialah kata nama yang mengalami penggandaan separa seperti `adik-beradik', yang membawa makna `kumpulan orang dan sebagainya yang tertentu'. Contohnya :

Mereka berbincang **antara** adik-beradik.

- F. Selain itu, kata sendi nama `antara' boleh juga diikuti oleh bilangan tentu seperti `dua, tiga, sepuluh, seribu' dan sebagainya, kata kata bilangan himpunan seperti `kedua-dua, ketiga-tiga, keenam-enam, beratus-ratus, berjuta-juta' dan sebagainya. Kata bilangan tingkat seperti `kedua, ketiga, kesepuluh' dan sebagainya tidak pernah digunakan seiring dengan kata sendi nama `antara'. Kesilapan yang sering dilakukan ialah penggunaan kata bilangan tingkat di tempat yang sepatutnya digunakan kata bilangan himpunan. Contohnya :

SALAH	BETUL
1. ... perhubungan <b>antara</b> kedua negara...	1. ... perhubungan <b>antara</b> kedua-dua negara...
2. ... dalam mempertimbangkan untung rugi <b>antara</b> keduanya.	2. ... dalam mempertimbangkan untung rugi <b>antara</b> kedua-duanya.
3. <b>Di</b> <b>antara</b> <b>ketiga</b> patukan ini, patukan ketiga ...	3. <b>Antara</b> <b>ketiga-tiga</b> patukan ini, patukan ketiga ...

Di bawah ini diperturunkan contoh penggunaan kata sendi nama `antara' dengan kata bilangan tentu dan kata bilangan tidak tentu :

- i. **Antara** **dua** bangunan itu, jauh perbezaannya.

- ii. Kamsiah adalah **antara beberapa** peserta wanita yang mengambil bahagian dalam sukan itu.
  - iii. ... perbuatan itu **antara satu dengan satu** ...
- G. Kata sendi nama `**antara**' juga boleh diikuti oleh kata ganti nama diri seperti `mereka', `kita' dan`-nya'. Contohnya :
  - i. **Antaranya**, kita mahu masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada, dengan apa yang dicapai, gagah menghadapi pelbagai masalah.
  - ii. Malah ramai **antara mereka** yang terkenal sebagai pengkritik sosial yang melampau sehingga ada yang dibuang daripada pati.
  - iii. **Antara kita**, jauh berbeza.
  - iv. **Antara mereka**, banyak persamaannya.
- H. Apabila kata sendi nama `**antara**' atau frasa sendi `di antara', digunakan, kata yang dipadankan dengannya ialah kata sendi nama `**dengan**', bukan kata hubung `**dan**'. Kesilapan yang selalu dilakukan oleh pengguna bahasa ialah penggunaan kata hubung `**dan**' di tempat kata sendi nama `**dengan**'. Contohnya :

SALAH	BETUL
1. ... menghasilkan manfaat yang bersalingan <b>antara</b> perkembangan teknologi <b>dan</b> kemantapan bahasa ...	1. ... menghasilkan manfaat yang bersalingan <b>antara</b> perkembangan teknologi <b>dengan</b> kemantapan bahasa...
2. ... <b>di antara</b> calon <b>dan</b> penemu duga.	2. ... <b>antara</b> calon <b>dengan</b> penemu duga.
3. ... <b>di antara</b> pengucap <b>dan</b> pencerap	3. ... <b>antara</b> pengucap <b>dengan</b> pencerap.
4. ... <b>di antara</b> Muar <b>dan</b> Batu Pahat.	4. ... <b>di antara</b> Muar <b>dengan</b> Batu Pahat.

Kata hubung `dan' hanya dapat digunakan apabila kata sendi nama `antara' diikuti oleh lebih daripada dua frasa nama. Contohnya :

- i. ... pertemuan khas antara Jabatan Bahasa, Unit Dokumentasi Bahagian Perpustakaan dan Jabatan Penerbitan.
  - ii. ... **antara** Hasnah, Rabitah dan Mariah...
  - iii. ... antara irama, lagu dan mutu persembahan ...
- I. Selain kata sendi nama `dengan', kata sendi nama `antara' boleh juga digandingkan dengan kata sendi nama `hingga' untuk menunjukkan lingkungan (tentang jarak, peratusan, masa, berat dan sebagainya). Contohnya :
- i. ... antara 10 kilometer hingga 15 kilometer.
  - ii. ... antara 20% hingga 50%.
  - iii. ... antara pukul 7.00 pagi hingga 6.00 petang.
  - iv. ... antara 8 kilogram hingga 10 kilogram.
  - v. ... antara akhir tahun tersebut hingga tarikh laporan ini.
- J. Kata sendi nama `antara' juga digunakan dalam ungkapan-ungkapan umum. Antaranya:

... antara lain ...  
... antara satu sama lain ...  
... antara satu dengan yang lain ...

- K. Daripada kata arah `antara', dapat dibentuk kata terbitan yang tergolong dalam golongan kata lain, iaitu:

berantara (kata kerja tak transitif) `ada antaranya'  
(Contohnya : Rumah ibu dengan dapurnya bersambung terus, tidak berantara.)  
**mengantara** (kata kerja transitif) `memisahkan dua benda dan sebagainya'

(Contohnya; Banjaran Gunung Titiwangsa yang menganjur di tengah-tengah Semenanjung Malaysia *mengantara* Kelantan dengan Perak.)

**perantaraan** (kata nama) 'hal berantara; hal menghubungkan orang dan lain-lain yang berantara'

(Contohnya: Bahasa Melayu merupakan bahasa *perantaraan* di Kepulauan Melayu.)

**pengantaraan** (kata nama) 'perbuatan (hal, cara dan sebagainya) mengantara; hal memisahkan dua benda dan lain-lain'

(Contohnya: Pagar dibina sebagai *pengantaraan* antara kedua-dua bangunan itu.)

**perantara** (kata nama) 'orang (badan dan lain-lain) yang menjadi penghubung dua pihak yang berantara'

(Contohnya: Negara itu menjadi *perantara* dalam perselisihan faham antara dua negara yang berjiran itu.)

**pengantara** (kata nama) 'orang, benda atau lain-lain yang, mengantara; benda dan lain-lain yang menjadi pemisah'

(Contohnya: Tembok besar yang dahulunya menjadi *pengantara* bagi Jerman Timur dengan Jerman Barat telah dirobohkan.)

- L. Dari segi pengejaan pula, kata sendi nama '**antara**' tidak dieja sebagai satu perkataan dengan perkataan yang mengikutinya dalam gabungan kata. Contohnya:

<b>antara</b> benua	<b>antara</b> negara
<b>antara</b> daerah	<b>antara</b> pulau
<b>antara</b> manusia	<b>antara</b> warga kota

Satu kekecualian hanya pada perkataan '**antarabangsa**' yang dieja sebagai satu perkataan yang tidak terpisah.

## **BAHAGIAN LIMA: `DI', `KE', `DARI' DAN `DARIPADA', BAGAIMANAKAH CARA PENGGUNAANNYA YANG BETUL?**

Kata sendi nama ialah kata yang letaknya di hadapan frasa. Antara kata sendi nama yang lazim digunakan ialah:

di	bagi	laksana	antara
ke	demi	sejak	untuk
dari	tentang	terhadap	dengan
daripada	seperti	akan	dalam
kepada	bagai	oleh	sampai
pada	umpama	hingga	

Setiap kata sendi nama yang tertera di atas mempunyai tugas atau **fungsi yang berlainan** dan penggunaannya ditentukan oleh peraturan yang khusus. Beberapa kata ini dapat juga menganggotai golongan kata lain bergantung pada penggunaannya. Contohnya:

‘akan’ boleh bertindak sebagai **kata bantu**

‘dalam’ boleh bertindak sebagai **kata nama arah** dan **kata adjektif**

‘sampai’ boleh bertindak sebagai **kata kerja**

‘antara’ boleh bertindak sebagai **kata nama arah**

Walaupun begitu, dalam wacana ini kita akan membincangkan empat kata sendi nama sahaja, iaitu :

- i. ‘di’
- ii. ‘ke’
- iii. ‘dari’
- iv. ‘daripada’

Kesemua kata sendi nama ini perlu diberi tumpuan khusus kerana ramai di kalangan kita yang keliru dengan peranan/perbezaan antara keempat-empatnya. Kita akan lihat keterangan dan contoh penggunaan kata sendi nama yang dinyatakan ini dalam penerangan seterusnya.

### KATA SENDI NAMA `DI'

Kata sendi nama `di' digunakan khusus **di hadapan kata nama atau frasa nama** yang menunjukkan **tempat** dan **ditulis terpisah** daripada kata nama atau frasa nama yang -mengikutinya. Contohnya:

1. Ibunya bekerja **di** sekolah itu.
2. Pengembala itu sesat **di** dalam hutan.
3. Beg tangannya terletak **di** atas meja.
4. Tambak Johor terletak **di** antara negeri Johor dengan Singapura.
5. Gunung Kinabalu ialah gunung yang tertinggi **di** Malaysia.

Perlu diingat bahawa kata sendi nama `di' tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menerangkan waktu, masa atau zaman. Contohnya:

SALAH	BETUL
1. <b>di</b> zaman ini	1. <b>pada</b> zaman ini
2. <b>di</b> waktu itu	2. <b>pada</b> waktu itu
3. <b>di</b> suatu masa	3. <b>pada</b> suatu masa
4. <b>di</b> saat ini	4. <b>pada</b> saat ini
5. <b>di</b> abad ke-20	5. <b>pada</b> abad ke-20

## KATA SENDI NAMA 'KE'

Kata sendi nama 'ke' digunakan di hadapan **kata nama** atau **frasa nama** untuk menunjukkan **tempat** atau **arah** dan **waktu** atau **masa** dan ditulis terpisah daripada fasa nama atau kata nama yang mengikutnya.

### a) Menunjukkan tempat atau arah

Contoh;

- 1: Pengembara itu meneruskan perjalanannya **ke** arah timur.
2. Mereka pergi **ke** Kuala Kedah.
3. Penyelam itu terjun **ke** dalam sungai.
4. Pelajar itu pergi **ke** sekolah beramai-ramai.
5. Dia melihat **ke** kiri dan **ke** kanan sebelum melintas jalan.

### b) Menunjukkan waktu atau masa

Contoh:

1. Dia asyik termenung dari sehari **ke** sehari.
2. Tradisi itu masih kekal hingga **ke** zaman sekarang.
3. Perempuan itu berada di sisi suaminya hingga **ke** saat terakhir.
4. Anak kecil itu menunggu ayahnya di hadapan pintu hingga **ke** petang,
5. Pengurus syarikat itu sentiasa menilai prestasi pekerjaanya dari semasa **ke** semasa.

## KATA SENDI NAMA 'DARI'

Kata sendi nama 'dari' digunakan di hadapan **kata nama** atau **frasa nama** yang menyatakan **arah**, **tempat**, **waktu** atau **masa**.

**a) Menunjukkan tempat atau arah**

Contoh:

1. Awak datang **dari** mana?
2. Saya datang **dari** kampung.
3. Kajian itu dibuat **dari** sudut ekonomi.
4. Mereka baru sampai **dari** Kuching.
5. Lori itu datang **dari** arah kiri.

**b) Menunjukkan waktu atau masa**

Contoh:

1. Kerajaan itu terkenal sejak **dari** kurun ke-18.
2. Persatuan itu sering mengadakan perjumpaan **dari** semasa ke semasa.
3. Perangainya masih tidak berubah-ubah **dari** dahulu hingga sekarang.
4. Keadaannya semakin tenat **dari** sehari ke sehari.
5. Perkara itu telah diketahui **dari** waktu subuh lagi.
6. Dia betah sekali duduk bersila **dari** waktu sesudah sembahyang Isyak hingga menjelang dinihari.

### **KATA SENDI NAMA `DARIPADA'**

Kata sendi nama `daripada' hadir **di hadapan kata nama** atau **frasa nama** yang menyatakan **punca** bagi manusia atau institusi, haiwan, benda, dan unsur abstrak, **sumber** atau **asal kejadian** sesuatu benda, sebahagian daripada semua dan perbezaan atau perbandingan.

a) **Menyatakan punca bagi manusia atau institusi, haiwan, benda, dan unsur abstrak**

Contoh:

1. Ali menerima sepucuk surat **daripada** ibunya.
2. Dia menjauhkan diri **daripada** bahaya dadah.
3. Cadangan **daripada** persatuan kami telah diterima.
4. Mereka sudah pun menerima sumbangan **daripada** pihak kerajaan.
5. Encik Karim baru sahaja menerima arahan **daripada** ketuanya.

b) **Menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda**

Contoh:

1. Benang berasal **daripada** kapas.
2. Kasut itu diperbuat **daripada** kulit buaya.
3. Ahli persatuan itu terdiri **daripada** pelajar sekolah.
4. Saya bersedia untuk meminta maaf sekiranya kesilapan itu berpunca **daripada** saya.
5. Air terdiri daripada gabungan hidrogen dan oksigen.
6. Aku tabu **daripada** siapa dia mewarisi paras yang secantik itu.

c) **Menunjukkan sebahagian daripada semua**

Contoh:

1. Enam orang **daripada** mereka mati disambar petir.
2. Kebanyakan **daripada** rumah di kampung itu musnah dipukul ribut.
3. Seorang **daripadanya** bertubuh tinggi dan tegap.

4. Sebahagian **daripada** pelajar sudah pulang ke rumah masing-masing.
5. Sebilangan besar **daripada** pekerja tidak bersetuju dengan peraturan baru syarikat.
6. Beberapa orang **daripada** penghuni asrama itu disyaki keracunan makanan.

d) **Menunjukkan perbezaan atau perbandingan**

Contohnya:

1. Ali lebih tinggi **daripada** Ahmad.
2. Perangainya lain **daripada** yang lain.
3. Kami tiba lewat **daripada** mereka.
4. Membaca buku ilmiah lebih baik **daripada** membaca majalah hiburan.
5. Pendapat yang dikemukakannya jauh lebih matang **daripada** usianya yang sebenar.
6. Dia lebih pendiam **daripada** abangnya.

KETUA PENGARAH : HAJI A.,AZIZ DERAMAN  
PENGARAH  
PENGEMBANGAN &  
PENYELIDIKAN BAHASA : ISMAIL BIN DAHAMAN  
KETUA BAHAGIAN -  
PENGEMBANGAN  
BAHASA SEKTOR  
AWAM w : HAJAH ZAITON BT. AB. RAHMAN  
SIDANG PENYUNTING : BAHAGIAN PENGEMBANGAN  
BAHASA SEKTOR AWAM  
PEREKA BENTUK : MOHD. TAIB BIN SUPANDI

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi sidang penyunting di alamat :

BAHAGIAN PENGEMBANGAN BAHASA SEKTOR AWAM,  
JABATAN PENGEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN BAHASA,  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,  
PETI SURAT 10803,  
50926 KUALA LUMPUR.

No. Tel.: 03-2485887 dan 03-2481960

No. Faks. : 03-2445727

e-mel : [bpsa@dbp.gov.my](mailto:bpsa@dbp.gov.my)